



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/28_81 (HQ)

TNB TERUS MENAJA DAN MEMACU PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA

- Lebih 20,000 pelajar nikmati pembiayaan pendidikan sejak 20 tahun lalu
- 470 pelajar terima tajaan daripada empat kategori pembiayaan pada 2022
- Inisiatif terbaru biasiswa khas anak-anak Orang Asli

Lebih 20,000 pelajar mendapat manfaat meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi melalui pelbagai pembiayaan pendidikan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, berjumlah lebih RM1.7 bilion sepanjang 20 tahun lalu sejak penubuhan Yayasan Tenaga Nasional (YTN) pada 1993.

Pembiayaan itu adalah dalam bentuk biasiswa dan dermasiswa yang dikenali sebagai TNB Prime Scholarship, TNB Shine Sponsorship, Dermasiswa My Brighter Future (MyBF) dan terbaru, Biasiswa Khas TNB untuk anak-anak Orang Asli.

Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin menegaskan TNB komited menyokong usaha kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai inisiatif, terutamanya membangunkan potensi generasi muda dan meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi peluang pendidikan berkualiti.

"Penajaan pendidikan ini adalah peluang keemasan bagi penerimanya untuk menekuni disiplin ilmu di institusi pengajian tinggi di samping membangunkan potensi diri, di mana manfaatnya bukan sahaja dinikmati oleh diri sendiri tetapi turut dirasai oleh ahli keluarga pelajar," katanya berucap di Majlis Penyampaian Anugerah Tajaan Pendidikan YTN bagi pelajar UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Bandar Muadzam Shah, Pahang, 22 Oktober 2022.

Pada tahun ini, seramai 470 pelajar menikmati pembiayaan meliputi 60 penerima TNB Prime Scholarship, TNB Shine Sponsorship (30) dan Biasiswa Khas TNB (10). Seramai 370 lagi adalah penerima MyBF dalam kalangan golongan berpendapatan rendah B40.

Ketika ini, lebih 6,200 pelajar tajaan YTN sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dengan biaya sebanyak RM100 juta merangkumi antaranya yuran pendaftaran, yuran pengajian, elaun sara hidup bulanan dan elaun komputer.

Menurut Hasan, adalah menjadi hasrat TNB untuk memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan komuniti dan peluang pendidikan terbaik kepada rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah selari dengan inisiatif Peralihan Tenaga TNB yang berteraskan Alam Sekitar Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

S.A. 2022/10/28_81 (HQ)

"Pada tahun ini, TNB melalui YTN menawarkan basiswa kepada anak-anak Orang Asli untuk mengikuti pengajian peringkat diploma dalam bidang perakaunan dan pengajian bisnes di UNITEN Muadzam Shah.

"Saya percaya jika diberi peluang penajaan di samping dibimbing oleh tenaga pengajar yang berkualiti, anak-anak ini mampu untuk berjaya, seterusnya membina kehidupan lebih baik untuk keluarga dan masyarakat keseluruhan," katanya.

YTN menerima lebih 10,800 permohonan daripada pelajar lepasan SPM tahun ini untuk mendapatkan basiswa TNB Prime Scholarship dan TNB Shine Sponsorship. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik, kepimpinan dan penglibatan aktif dalam kurikulum.

Bagi Biasiswa Khas TNB, YTN bekerjasama dengan UNITEN dan Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk mengenalpasti para pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM lalu untuk ditawarkan basiswa.

Selain pembiayaan kewangan, YTN turut menyediakan program-program pembangunan untuk pelajar tajaan dengan hasrat membangunkan potensi mereka dari sudut kemahiran insaniah dan kepimpinan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Oktober 2022, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (tengah) diiringi Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abdul Rahman (kanan) dan Pengarah YTN, Mohamad Nor Azali Lajin (paling kanan) menyampaikan anugerah kepada penerima TNB Prime Scholarship, Adriana Dafinah Adrin Azrul (Asasi Pengurusan Bisnes), 18, dalam Majlis Penyampaian Anugerah Tajaan Pendidikan YTN bagi pelajar UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah pada Sabtu lalu (22 Oktober).



Para penerima Anugerah Khas TNB dalam kalangan anak-anak orang asli bergambar kenang-kenangan bersama Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (tengah), Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abdul Rahman (tengah kiri) dan Pengarah YTN, Mohamad Nor Azali Lajin (tengah kanan).



Penerima-penerima TNB Prime Scholarship, TNB Shine Sponsorship dan Biasiswa Khas TNB bersama dengan Pengurus TNB, Dato' Sri Hasan Arifin, Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abdul Rahman dan Pengarah YTN, Mohamad Nor Azali Lajin selepas Majlis Penyampaian Anugerah Tajaan Pendidikan YTN bagi pelajar UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Bandar Muadzam Shah, Pahang.